

Berada pada kedudukan senarai 300 universiti terbaik dunia.

UM, UTM mahu teruskan kecemerlangan

UTUSAN MALAYSIA

10/6/2017 p.6

Oleh SAFINA RAMLI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 JUN

KEJAYAAN Universiti Malaya (UM) berada pada kedudukan 114 dalam senarai 300 universiti terbaik dunia merupakan penanda aras kepada pihak universiti untuk terus merancang usaha ke arah penambahbaikan kualiti akademik dan penyelidikan bagi mengekalkan momentum kecemerlangannya.


Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa yang menjalankan tugas-tugas Naib Canselor UM, Prof. Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud berkata, kejayaan tersebut juga merupakan hasil daripada pelaksanaan pelan strategik yang telah dijalankan pihak universiti.

"Usaha UM dalam mengukuhkan penyelidikan, pengantarabangsaan serta pemasaran sejak beberapa tahun kebelakangan ini menghasilkan keputusan yang positif.

"Dalam usaha untuk membina rangkaian penyelidikan dengan rakan kongsi antarabangsa, lebih 50 peratus daripada penerbitan dan penyelidikan dihasilkan UM adalah usahasama antara kakitangan UM dan rakan-rakan antarabangsa UM," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain UM, empat universiti lain iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi

5 universiti Malaysia tersenarai 300 terbaik dunia

| UNIVERSITI | DUNIA* | |
|--|--------|-------|
|  UNIVERSITI MALAYA | 114 | ↑ 53 |
|  UPM | 229 | ↑ 182 |
|  UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA | 230 | ↑ 39 |
|  UTM | 253 | ↑ 102 |
|  UNIVERSITI SAINS MALAYSIA | 264 | ↑ 91 |

* Daripada 26,000 universiti diiktiraf seluruh dunia

Sejak 2013, peningkatan kedudukan lima universiti tersebut amat memberangsangkan sekali gus membuktikan ekosistem pendidikan tinggi negara semakin mantap dan dinamik."



DATUK SERI IDRIS JUJOSH
Menteri Pendidikan Tinggi

BERITA DI MUKA 7

KERATAN Utusan Malaysia semalam.



AWANG BULGIBA
AWANG MAHMUD



WAHID OMAR

Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) turut berada dalam senarai 300 universiti terbaik dunia bagi penilaian 2017/2018 seperti yang diterbitkan oleh Quacquarelli Symonds (QS).

Semalam, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kesemua lima universiti itu kini tersenarai dalam kelompok satu peratus teratas dunia atau 300 terbaik daripada lebih 26,000 universiti yang diiktiraf di seluruh dunia serta tersenarai di dalam QS.

Dalam pada itu, Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Dr.

Wahid Omar berkata, kejayaan pihaknya berada pada kedudukan 253 terbaik di peringkat dunia merupakan hasil kerjasama semua kakitangan universiti tersebut.

"Kita meletakkan sasaran untuk menjadi antara universiti terbaik

Usaha UM dalam mengukuhkan penyelidikan, pengantarabangsaan serta pemasaran sejak beberapa tahun kebelakangan ini menghasilkan keputusan yang positif."

**DR. AWANG BULGIBA
AWANG MAHMUD**

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UM

dunia di dalam pelan global UTM dan pencapaian ini menjadi kebanggaan semua pihak di UTM.

"Kita akan terus memantapkan bidang penyelidikan, akademik dan sebagainya bagi meneruskan kecemerlangan sebagai antara universiti terbaik dunia," katanya.

Tambah beliau, pengiktirafan tersebut juga membuka peluang kepada UTM menjadi destinasi pilihan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran mereka.